

Kerjasama akademik UMP dan Institusi Jepun diperluas



Tokyo, 10 Mac – Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim baru-baru ini berkunjung ke Gunma University (Gunma) di Maebashi, 137 kilometer ke barat laut Tokyo untuk rundingan strategik dua hala bersama Presiden Gunma, Profesor Dr. Hiroshi Hiratsuka dalam memperluaskan kerjasama sedia ada kedua-dua pihak bagi menawarkan program dwijazah Doktor Falsafah secara usahasama antara Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI), UMP dengan Pusat Pengajian Sains & Teknologi, Gunma.

Rundingan strategik yang disusuli dengan mesyuarat penyelarasan menunjukkan hasil yang positif apabila kedua-dua pihak bersetuju untuk memperhalusi butir-butir teknikal dan perundangan yang berkaitan sebelum Memorandum Perjanjian dimeterai seawal-awalnya pada bulan Jun tahun ini.

Selain itu, komitmen tinggi UMP dalam konteks pengantarabangsaan di Jepun turut mendapat perhatian Presiden ABEST21 sendiri, Profesor Dr. Fumio Itoh yang telah memudahkan rundingan strategik delegasi UMP dengan Naib Presiden, Aoyama Gakuin University (AGU), Profesor Dr. Takashi Oshimura di kampus AGU di Shibuya, Tokyo.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, walaupun masih belum memeterai sebarang kerjasama rasmi, namun beliau percaya terdapat ruang kolaborasi yang berpotensi untuk diteroka lanjut oleh UMP dan AGU.



"Kerjasama ini bakal memanfaatkan kedua-dua pihak terutamanya dalam program akademik yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah bagi Perniagaan dan Pusat Pengajian Pascasiswazah bagi Politik Antarabangsa, Ekonomi dan Komunikasi di AGU," katanya yang mengetuai lawatan kerja ke negara Jepun. Usaha ini bakal memperluaskan agenda pengantarabangsaan dan mengembangkan inisiatif kerjasama akademik dengan institusi-institusi pendidikan tinggi di negara matahari terbit tersebut.

Selain menghadiri Perhimpunan Agung Tahunan 2017 The Alliance On Business Education And Scholarship For Tomorrow, A 21st Century Organization (ABEST21) di Sony University, beliau turut menyaksikan penyerahan sijil akreditasi ABEST21 untuk program Sarjana Pentadbiran Perniagaan yang ditawarkan Fakulti Pengurusan Industri (FIM) dan penyampaian Anugerah Amalan Baik bagi Pendidikan Bersepadu Pengurusan dan Teknologi kepada fakulti tersebut oleh ABEST21.

Dato' Dr. Daing Nasir turut diberi penghormatan oleh badan akreditasi antarabangsa berkenaan untuk menyampaikan ucaptama bertajuk "Nurturing Management Professionals in Malaysia: The Academic Leadership Perspective" dalam perhimpunan agung tahunan yang disertai para perwakilan dari pelbagai universiti di rantau Asia-Pasifik.

Turut berlangsung pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dengan Universitas Brawijaya (UB), Indonesia. Melalui MoU tersebut, UMP dan UB yang juga anggota penuh ABEST21 sepakat untuk mengembangkan kolaborasi akademik, pertukaran staf dan mahasiswa, penyelidikan dan penganjuran persidangan secara bersama dengan dimudahcara oleh FIM dan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UB. Pemeteraian Memorandum Persefahaman tersebut telah disempurnakan oleh Dato' Daing Nasir bagi pihak UMP manakala UB pula diwakili oleh Rektornya, Profesor Dr. Ir. Mohammad Bisri sambil disaksikan para delegasi ABEST21 yang mewakili universiti-universiti Indonesia yang lain.

Mengakhiri lawatan kerja tersebut ialah pertemuan Naib Canselor bersama para staf akademik dan felo tajaan UMP yang menuntut di Jepun dalam satu majlis khas yang diadakan di sebuah restoran terkemuka di bandar raya ini. Turut sama dalam lawatan kerja berkenaan adalah Dekan FSTI, Prof. Madya Dr. Mohd Hasbi Ab Rahim, Dekan FIM, Dr. Mohd Ridzuan Darun dan Ketua Penyelidik, Pejabat Naib Canselor, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.

Disediakan oleh Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain dari Pejabat Naib Canselor.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 15-03-2017, 16:19:22